PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
|---|---|
| Date | 12 OCTOBER 2016 |

# Dr. Mahathir akui pakatan pembangkang lemah

um- 12/10/2016

**MELAKA 11 Okt.** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengakui pakatan pembangkang tidak bersatu sehingga menjadikan mereka lemah dan gagal menewaskan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang mempunyai semangat bersatu padu dalam kalangan parti komponennya.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu berkata, walaupun terdapat banyak parti yang menentang kerajaan BN dan UMNO, tetapi mereka lemah kerana tidak mempunyai haluan yang sama serta berbeza pendapat.

Menurutnya, semangat itu sebaliknya jauh berbeza dengan BN yang disertai 14 parti gabungan dan saling menyokong antara satu sama lain sehingga menjadikan mereka kuat serta sukar untuk ditumbangkan.

"BN menang sebab mereka ada 14 buah parti. Dia letak satu calon, 14 parti sokong. Sebaliknya parti lawan (pembangkang) letak satu calon, cuma parti itu sahaja sokong," katanya yang berceramah di Taman Paya Dalam di sini malam tadi.

Hadir sama isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Ketua Setiausaha Sekretariat Pakatan Pembangkang, Datuk Saifuddin Abdullah dan Ahli Parlimen Bukit Katil, Shamsul Iskandar Mohd. Akin.

Dr. Mahathir berkata, beliau turut mencadangkan agar diwujudkan gabungan lebih mantap dalam kalangan parti-parti pembangkang dalam usaha menewaskan BN pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

"Sekiranya kita hendak menang, parti-parti lawan seperti PKR, DAP, PAN atau PPBM perlulah menyokong antara satu sama lain.

"Jika letak seorang calon PKR, semua parti lain dalam gabungan parti pembangkang mesti sokong calon itu dan saya percaya dengan cara itu sahaja kita boleh mengalahkan BN," katanya.

**DR. MAHATHIR MOHAMAD diiringi penyokong pembangkang untuk menyertai ceramah di Taman Paya Dalam, Melaka, malam semalam. - UTUSAN/MOHD. AZIM ABD. RAHMAN**